

Asnita umum dividen 4 peratus

JUM 17 JUL 2001

Oleh HELMI MOHD. FOAD

KUALA LUMPUR 16 Julai — Hijrah Unit Trust Management Bhd. (HUTMB), pengurus Amanah Saham Wanita (Asnita) hari ini mengumumkan pemberian dividen sebanyak empat peratus bagi penggal pertama tahun ini.

Pengagihan keuntungan sebanyak empat peratus atau dua sen itu melibatkan 82,849 pelabur individu dan sektor korporat bernilai RM8.498 juta, kata Rohani Mohd. Shahir, Pengerusi Eksekutif HUTMB yang merupakan pengurus Asnita.

Beliau berkata, dividen yang diumumkan itu merupakan yang terendah berbanding pengagihan pada Jun dan Disember tahun lalu masing-

masing berjumlah 15 dan 7.5 peratus.

Rohani bagaimanapun menjelaskan, Asnita akan tetap mensasarkan matlamatnya untuk mencapai pengagihan dividen antara 12 hingga 15 per-

tus pada hujung tahun ini.

Beliau ketika mengumumkan pengagihan pendapatan Asnita di sini hari ini berkata, sehingga 30 Jun 2001, saham Asnita yang dijual secara tunai berjumlah 424.90 juta bersama wujudnya peningkatan dalam jumlah pelabur daripada badan-badan korporat.

Katanya, Selangor mencatatkan bilangan pelabur tertinggi seramai 12,389 orang sambil diikuti oleh Perak (9,264) dan Wilayah Persekutuan (8,511).

Rohani berkata, pelabur wanita kekal sebagai pelabur teramai berjumlah 67,540 orang berbanding lelaki berjumlah 7,120 orang manakala selebihnya adalah daripada sektor korporat.

Katanya, dalam usaha

membentuk masyarakat yang lebih peka kepada keperluan kewangan, Asnita berhasrat menjadi pelopor kepada Perancangan Kewangan Islam yang mana satu modul ke arah itu telah disiapkan.

Perancangan

Beliau berkata, objektif utama Asnita adalah memastikan pembangunan masyarakat terus berkembang sambil meningkatkan kesedaran pentingnya perancangan kewangan demi masa depan yang lebih baik.

Asnita telah dilancarkan pada 5 Mei 1998 oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dengan saiz dana dibenarkan sebanyak 400 juta unit yang ditawarkan dengan harga 50 sen seunit.